

## **BAB 6**

### **KESIMPULAN DAN SARANAN**

#### **6.1 PENDAHULUAN**

Sektor pelancongan merupakan satu sektor yang telah lama berkembang sejak bermulanya tamadun bangsa. Manusia secara fitrahnya bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan pelbagai tujuan seperti perdagangan, mencari ilmu, menziarahi saudara dan sebagainya. Ia sebenarnya telah merangkumi definisi pelancongan itu sendiri. Manakala, ajaran Islam sendiri tidak menghalang umatnya untuk pergi melancong. Malahan terdapat banyak ayat-ayat al-quran yang menganjurkan umat Islam agar keluar melancong dan mengembara melihat kehebatan serta kebesaran ciptaan Ilahi. Para tokoh Islam terdahulu turut mengembara dan melancong ke seluruh pelusuk dunia untuk pelbagai tujuan. Cendekiawan Islam seperti Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Shafie, Imam Nawawi, dan lain-lain telah mengembara keserata pelusuk dunia untuk mencari ilmu. Justeru, pelancongan dalam Islam adalah diharuskan dan ia merupakan satu ibadah disisi Allah s.w.t selagi ia tidak melanggar hukum dan syariat Islam.

Industri pelancongan negara dilihat telah mengalami perkembangan yang pesat. Kesungguhan Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan peruntukan dan membuat pelaburan yang tinggi telah memberikan kesan yang positif terhadap industri tersebut.

Bermula sejak RMK-2 (1971-1975) sehingga RMK-9 (2006-2010), kerajaan telah menyediakan peruntukan keseluruhan sebanyak RM 4212.08 juta bagi membangunkan industri pelancongan negara.<sup>1</sup> Hasil daripada pelaburan yang dijalankan tersebut, ia telah memberi pulangan yang positif kepada pendapatan negara. Pada tahun 2009, sektor pelancongan telah menyumbang sebanyak 36.9% kepada keluaran Negara kasar (KNK).<sup>2</sup> Hal ini membuktikan bahawa, sektor pelancongan merupakan satu sektor yang penting dan menjadi satu faktor pemangkin ekonomi negara.

## **6.2 : RUMUSAN ANALISIS KAJIAN TERHADAP DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN PELANCONGAN LANGKAWI DARI PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM**

Perkembangan pesat industri pelancongan negara berkait rapat dengan dasar dan strategi pembangunan pelancongan yang dilaksanakan. Fokus kajian ini tertumpu kepada pelaksanaan dasar-dasar pembangunan pelancongan dan strategi yang dilaksanakan di Langkawi serta menganalisisnya dari perspektif pembangunan mengikut sistem ekonomi Islam. Secara umumnya, setiap dasar dan strategi yang dilaksanakan di Langkawi adalah bertujuan untuk membangunkan dan merancakkan lagi industri pelancongan di pulau berkenaan.

---

<sup>1</sup> Azizan Marzuki (2010), "Tourism Development In Malaysia. A Review On Federal Government Policies", *Journal Theoretical And Empirical Reseaches In Urban Management*, v.5 (2010), no.8(17), November, pp 85-97.

<sup>2</sup> Unit Perancangan Ekonomi (2010), *Program transformasi Ekonomi : hala Tuju Untuk Malaysia*, Jabatan Perdana Menteri, h 341.

Dasar bebas cukai merupakan pengecualian cukai terhadap barangan yang diimport dari luar negara untuk dibawa masuk ke Langkawi. Barangan tersebut dijual dengan harga yang lebih rendah berbanding di tempat-tempat yang lain. Walaubagaimanapun, terdapat juga barangan yang tidak halal dan memberi kesan yang negatif kepada masyarakat turut dijual dengan harga yang murah. Ia sekaligus memudahkan dan menggalakkan orang ramai untuk membelinya. Justeru, pelaksanaan dasar dan strategi bebas cukai tersebut didapati tidak selari dengan apa yang disarankan dalam Islam. Penjualan barangan yang tidak halal atau tidak patuh *shari'ah* perlulah ditarik balik pengecualian cukai terhadapnya. Ia bertujuan untuk menjadikan barangan tersebut menjadi lebih mahal dan terkawal. Kerajaan dan pihak berkuasa perlu melakukan penambahbaikan terhadap strategi pelaksanaan dasar bebas cukai tersebut agar ia selaras dengan apa yang disarankan dalam Islam.

Dasar dan strategi Eko-pelancongan pula memberi peluang kepada para pelancong menghayati dan menerokai alam semulajadi yang terdapat yang di pulau peranginan tersebut. Dasar tersebut turut mendedahkan para pelancong kepada budaya masyarakat setempat. Aspek penjagaan dan pemeliharaan alam semulajadi turut diambil berat oleh pihak berkuasa tempatan dalam usaha mengekalkan keindahan Langkawi. Dasar dan strategi yang dijalankan tersebut juga turut memberi manfaat ekonomi kepada penduduk setempat. Oleh itu, dasar eko-pelancongan yang dijalankan di Langkawi dilihat tidak melanggar syariat Islam dan pelaksanaannya perlu kepada pemantauan yang berterusan daripada pihak berkuasa.

Seterusnya, pelaksanaan dasar dan strategi sukan dan acara adalah bertujuan untuk menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke Langkawi berasaskan program tertentu sama ada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Para delegasi yang berkunjung untuk sesuatu acara secara tidak langsung menjadi pelancong dan turut menyumbang kepada perkembangan industri pelancongan. Disamping itu, ia juga dapat mempromosikan pulau berkenaan di mata dunia melalui liputan berita oleh para wartawan. Oleh itu, pelaksanaan dasar tersebut dilihat tidak menyalahi dengan apa yang disarankan dalam pembangunan pelancongan menurut sistem ekonomi Islam.

Dasar dan strategi Malaysia Rumah Keduaku dilaksanakan bertujuan untuk menggalakkan rakyat atau pelancong asing untuk menetap bersama-sama penduduk tempatan. Ia membolehkan mereka menyelami budaya dan cara hidup penduduk setempat. Kajian ini mendapati pelaksanaan dasar dan strategi tersebut di Langkawi memberikan kesan yang kurang baik seperti penjualan tanah rizab penduduk setempat, pertembungan budaya yang negatif dan penularan gejala yang tidak sihat. Oleh itu, pelaksanaan dasar tersebut dilihat tidak menepati dengan saranan pembangunan pelancongan dari perspektif ekonomi Islam. Pelaksanaan dasar tersebut juga perlu mengambil kira beberapa aspek lain bagi menjaga kepentingan dan *maslahah* penduduk tempatan.

Dasar dan strategi Pembangunan Pelancongan Baru Langkawi pula bertujuan untuk membangunkan dan merancakkan lagi industri pelancongan di Langkawi. Beberapa strategi dan produk baru dicadangkan untuk dilaksanakan bagi merancakkan industri

tersebut sekaligus menarik lebih ramai kemasukan pelancong ke Langkawi. Kajian ini mendapati bahawa beberapa strategi dan rancangan kerajaan dalam dasar tersebut perlu diberi perhatian agar strategi pelaksanaannya dapat selari dengan kehendak dan perinsip *shari'ah*.

Seterusnya, penginapan dan hotel di Langkawi adalah sebanyak 94 buah. Walaubagaimanapun, hanya 8 buah dari keseluruhan jumlah tersebut mempunyai sijil akuan halal daripada pihak JAKIM. Ketiadaan dan keenganan pihak pengurusan hotel untuk mendapat status pengesahan halal boleh menyebabkan pengguna ragu-ragu terhadap penyediaan makanan di sesebuah hotel penginapan. Justeru, kajian ini mendapati hotel dan penginapan yang wujud di Langkawi masih tidak menepati kehendak dan saranan pembangunan pelancongan Islam. Pembinaan hotel yang berkonsepkan Islamik dari pelbagai aspek termasuklah makanan, bilik tidur, suasana dan kondisi hotel perlu diwujudkan di pusat peranginan tersebut sebagai alternatif kepada para pelancong yang berkunjung.

### **6.3 : SARANAN DAN CADANGAN**

Perkembangan industri pelancongan di Langkawi merupakan satu fenomena yang baik. Dasar-dasar dan strategi yang dijalankan di pusat peranginan tersebut pada asalnya adalah bertujuan untuk merancakkan dan meningkatkan lagi sektor pelancongan. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan wujud dalam pelaksanaan dasar tersebut serta pelaksanaannya yang bertentangan dengan apa yang

disarankan oleh Islam. Oleh itu, kajian ini menggariskan beberapa cadangan kepada pihak-pihak tertentu untuk penambahbaikan kepada dasar dan strategi yang telah dijalankan tersebut.

### **6.3.1: Kerajaan**

Kerajaan perlulah membangunkan model pelancongan Islam di Langkawi. Pusat peranginan tersebut dilihat mampu menjadi pelopor kepada sektor pelancongan Islam dengan peningkatan kemasukan pelancong Muslim terutamanya dari negara timur tengah. Ciri-ciri pelancongan Islam seperti wujudnya penginapan dan hotel Islamik, penyediaan makanan yang halal, hiburan yang tidak melampau dan terkawal serta lain-lain lagi perlu dibangunkan di pusat peranginan tersebut. Oleh itu, model pelancongan Langkawi yang lebih bersifat alam semulajadi dan Islamik mampu memberi kelainan kepada para pelancong serta mampu memberi saingan terhadap pusat pelancongan yang lain seperti Phuket dan Bali yang lebih berasaskan percutian hiburan.

Seterusnya, kerajaan perlu meningkatkan lagi kemudahan perkhidmatan pengangkutan dan perhubungan. Setakat ini, jalan perhubungan ke Langkawi adalah melalui jalan laut dan udara sahaja. Kemudahan terminal *ferry* penumpang di Kuala Kedah dan Kuala Perlis dilihat sudah tidak mampu untuk menampung peningkatan kemasukan pelancong. Keadaan akan bertambah sesak dan padat apabila tiba waktu perayaan dan musim cuti sekolah. Ia memberi kesulitan kepada para pelancong yang ingin bercuti serta memberi imej yang kurang baik terhadap industri pelancongan negara terutamanya di mata

pelancong asing. Oleh itu, kerajaan perlulah mengambil langkah segera memperbesarkan terminal *ferry* di Kuala Kedah dan Kuala Perlis untuk kelancaran dan keselesaan para pelancong.

Kerajaan juga perlulah melihat kembali pelaksanaan dasar Malaysia Rumah Keduaku yang dijalankan di Langkawi kerana pelaksanaannya dilihat banyak memberi *mafsadah* atau perkara yang tidak baik kepada masyarakat. Pelancong asing yang ingin menyertai program tersebut hanya boleh menyewa rumah sedia ada milik penduduk tempatan dalam tempoh masa tertentu (*homestay*). Penjualan tanah milik penduduk tempatan perlulah dihentikan bagi menjamin kepentingan aset dan warisan untuk generasi akan datang.

Kerajaan juga perlulah menyemak kembali dasar dan strategi pembangunan pelancongan yang dijalankan di Langkawi agar ia selaras dengan syariat Islam seperti menghapuskan perkara yang bertentangan dengan Islam.

### **6.3.2 : Pihak Swasta dan para pelabur.**

Pihak swasta dan pelabur disarankan agar meningkatkan pelaburan dengan membina beberapa hotel atau penginapan untuk para pelancong yang mematuhi prinsip-prinsip Islam di Langkawi. Hotel atau penginapan yang Islamik ini perlu dibangunkan agar ia dapat memberi pilihan kepada para pelancong dalam memilih penginapan percutian mereka. Disamping itu, pelaksanaan konsep penginapan sedemikian rupa mampu menonjolkan kebaikan dan imej Islam itu sendiri.

Pihak swasta dicadangkan agar membina beberapa produk pelancongan baru yang berkonsep Islam seperti muzium kesenian dan kebudayaan Islam serta menaiktaraf produk pelancongan sedia ada. Produk-produk tersebut perlulah lengkap dengan ciri-ciri Islamik seperti kemudahan untuk umat Islam beribadat, bentuk senibina Islam, pekerja yang menutup aurat dan lain-lain lagi. Dengan adanya produk-produk tersebut, ia bukan sahaja mampu menyegarkan lagi industri pelancongan Langkawi dengan adanya daya tarikan baru malah ia turut memberi kelainan dan keunikan tersendiri kepada Langkawi.

### **6.3.3 : Penduduk Tempatan**

Penduduk Langkawi perlulah mempunyai jati diri yang tinggi agar tidak mudah terpengaruh dan terjebak dengan budaya negatif yang mungkin dibawa bersama pelancong asing ke Langkawi. Asas didikan agama yang kuat perlulah diterapkan oleh ibu bapa kepada anak-anak agar perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai murni Islam dapat dihindari. Penduduk tempatan khususnya umat Islam juga perlulah berhati-hati dalam memilih pekerjaan dalam sektor pelancongan. Pekerjaan di premis-premis yang menjual arak, pusat urut unisex, kelab malam dan lain-lain lagi perlu dielakkan agar pendapatan yang diperolehi bersih dan terhindar dari perkara yang haram.

Disamping itu, masyarakat setempat perlulah saling membantu dan berkerjasama dengan pihak berkuasa dalam membanteras gejala negatif yang menular dalam masyarakat. Penduduk tempatan juga haruslah mempunyai kesedaran sivik yang tinggi terhadap



kebersihan dan menjaga keindahan alam semulajadi yang sedia ada daripada rosak dan tercemar. Kempen kesedaran penjagaan alam sekitar perlu dijalankan di sekolah-sekolah dalam usaha mendidik generasi baru agar mencintai alam semulajadi. Ia penting dalam usaha mengekal keindahan Langkawi serta menjaga kelangsungan industri pelancongan di Pulau berkenaan.

Masyarakat Langkawi perlulah mengambil peluang terhadap perkembangan industri pelancongan dengan melibatkan diri dalam sektor berkenaan. Penglibatan penduduk tempatan dalam sektor tersebut dilihat mampu menjana pendapatan dan meningkatkan lagi taraf ekonomi masing-masing.

#### **6.3.4 : Ahli Akademik dan Para Penyelidik**

Para penyelidik dan ahli akademik dicadangkan agar melakukan kajian yang lebih mendalam terhadap pembangunan pelancongan Islam supaya satu model pelancongan bercirikan shariah yang lebih lengkap dapat dikemukakan dan diaplikasikan. Para penyelidik dan ahli akademik juga perlu membuat lebih banyak kajian dan penyelidikan dalam bidang pelancongan khususnya bidang pelancongan Islam di Langkawi agar ia mampu memberi sumbangan terhadap perkembangan sektor pelancongan di pulau tersebut.

#### **6.4 : KESIMPULAN**

Kesimpulannya, industri pelancongan di Langkawi dilihat semakin berkembang pesat dan mampu bersaing dengan pusat-pusat peranginan terkemuka yang lain di dunia. Pada asalnya, semua dasar dan strategi perancangan yang dijalankan di Langkawi adalah bertujuan untuk merancakkan lagi industri pelancongan di pulau tersebut. Walaubagaimanapun terdapat juga dasar dan strategi pembangunan pelancongan yang dilaksanakan di Langkawi bertentangan dengan saranan dan syariat Islam. Kerajaan dan pihak berkuasa perlu melakukan penambahbaikan terhadap dasar dan strategi yang didapati tidak selaras dengan apa yang disarankan Islam tersebut. Komitmen dan usaha yang lebih gigih perlu dilakukan oleh semua pihak termasuklah pihak kerajaan, pihak swasta, dan orang ramai untuk merealisasikan model dan konsep pelancongan Islam di Langkawi. Oleh itu, pembangunan dan pelaksanaan dasar pelancongan yang dijalankan di pulau tersebut perlulah mengambil kira pelbagai aspek terutamanya penerapan nilai-nilai Islam dan pembangunan sosial yang seimbang. Pelaksanaan konsep pelancongan bercirikan Islam yang *shumul* di Langkawi mampu memberikan keunikan tersendiri serta mampu menarik lebih ramai kemasukan para pelancong tanpa mengira latar belakang agama.